

ULASAN BUKU /BOOK REVIEW

Jamilah Mohamad & Mariney Mohd Yusoff. (Eds.) 2018. Pulau Pangkor Antara Pembangunan dan Kelestarian. Kuala Lumpur: UM Press

Review by Safiah @ Yusmah Muhammad Yusoff
Department of Geography, University Malaya

Tidak banyak buku ilmiah mengenai Pulau Pangkor ditulis dan diterbitkan dalam Bahasa Melayu. Carian internet mendapati terdapat dua buku yang telah diterbitkan terdahulu iaitu oleh Abd. Rahman *et al.* (2012) dan Jabil Mapijabil (2016). Istimewanya buku suntingan Jamilah, M & Mariney, M. Y. ini adalah temanya merangkumi pelbagai aspek dan disiplin seperti sejarah, alam sekitar, pembangunan guna tanah, pengangkutan, ekonomi (pelancongan dan perikanan) dan sosial serta hubungannya dengan pembangunan mapan bagi mencapai kelestarian. Meskipun tema kelestarian dianggap satu tema yang biasa namun kaitannya dengan pelbagai aspek dan disiplin dan lebih khusus lagi dijalankan di sebuah pulau peranginan menjadikan buku ini lebih menarik. Seperti dinyatakan dalam pengenalan buku ini, usaha untuk mencapai kelestarian bukan mudah dan sangat mencabar terutama sekali bagi ekosistem pulau seperti Pulau Pangkor yang mempunyai sumber alam sekitar yang sangat bernilai dan sensitif seperti hutan dan lautan. Oleh kerana Pulau Pangkor adalah sebuah pulau pelancongan yang terkenal, cabarannya semakin hebat kerana perlu memberi perhatian yang seimbang kepada kedua-dua penyediaan permintaan infrastruktur asas dan ekonomi kepada penduduk dan pengawalan pembangunan dan aktiviti pelancongan yang ditawarkan kepada pelancong.

Buku ini dihasilkan dari projek penyelidikan Pusat Kajian UMSERGE (UM Spatial-Environmental Governance for Sustainability Research Centre) yang terdiri dari sebelas buah bab. Kelebihannya adalah dari segi data-data yang digunakan dalam penulisan bab yang kebanyakan adalah sangat relevan dan terkini sehingga ke tahun 2016 seperti data yang berkaitan dengan hutan, guna tanah, pelancongan dan perikanan. Dari segi penyusunan bab pula, topik-topik yang dipilih adalah bersesuaian dan disusun mengikut turutannya. Walaubagaimanapun, mengikut pendapat saya, lebih tepat dan menarik lagi jika Bab 7 dan Bab 11 disusun selepas Bab 5 diikuti dengan Bab 8, 6, 9 dan 10 mengikut aspek ekonomi, sosial dan masalah alam sekitar. Buku ini dimulakan dengan Bab 1 yang menceritakan sejarah Pulau Pangkor dari abad ke-17 sehingga 1941 di bawah tiga pusat kuasa. Ini merupakan pendekatan yang berbeza dari biasa dimana buku mengenai alam sekitar dan pembangunan jarang sekali memasukkan bab mengenai sejarah. Khazanah hutan yang menjadi sumber yang sangat bernilai bagi Pulau Pangkor pula dihuraikan di dalam Bab 2. Ini adalah bab yang penting kerana 84% peratus daripada Pulau Pangkor adalah kawasan berhutan yang memerlukan pengurusan mapan bagi memastikan kelestariannya. Hala tuju dan strategi pembangunan guna tanah Pulau Pangkor sebagai pusat pelancongan bertaraf antarabangsa dan status pulau bebas cukai dengan mengambil kira kawasan sensitif alam sekitar dibincangkan dalam Bab 3. Selain dari itu, perikanan dan akuakultur yang menjadi sektor sosioekonomi utama turut dihuraikan dalam bab yang sama. Bab-bab seterusnya membincangkan infrastruktur seperti perumahan dan pengangkutan awam, dan masalah alam sekitar yang berlaku iaitu banjir kilat akibat dari pembangunan ruang di Pulau Pangkor. Kaitan banjir kilat dan bagaimana ianya mempengaruhi kualiti hidup masyarakat juga mendapat perhatian dan dibincangkan. Selain itu, satu lagi masalah alam sekitar yang penting di Pulau Pangkor iaitu pengurusan sisa pepejal dan implikasinya turut dihuraikan. Dari segi kegiatan ekonomi pula, sektor pelancongan dibincangkan dari segi dampak dan perspektif persepsi penduduk tempatan manakala perikanan pula dari segi pengurusan dan sumbangan ekonominya yang penting di Pulau Pangkor. Komponen sosial yang berkait dengan keterancaman sosial dari segi kepatuhan golongan muda terhadap agama dan ketidakseimbangan sosial masyarakat dibincangkan kerana ia bersangkutan dengan masa depan masyarakat Pulau Pangkor. Akhir sekali, tahap pendidikan, pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat terhadap penyakit kolera yang berlaku di Pulau Pangkor turut disentuh. Secara keseluruhannya, topik-topik bab adalah bertepatan dengan situasi fizikal, sosio-ekonomi dan komuniti Pulau Pangkor.

Secara keseluruhannya, saya berpendapat buku ini telah menggunakan teori, konsep dan metodologi yang sesuai dalam membincangkan perancangan dan pelaksanaan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi Pulau Pangkor dan pada masa yang sama juga memberi perhatian kepada kelestarian sumber semula jadinya. Kaedah persembahan buku ini juga menarik dengan disertakan jadual, gambarajah dan foto yang berkaitan dan jelas yang memudahkan lagi pemahaman serta membolehkan pembaca yang tiada asas pengetahuan tentang pembangunan dan laman sekitar memahami buku ini dengan baik. Tema yang dibincangkan juga adalah sangat bertepatan dengan masalah alam sekitar dunia yang berlaku, terutama sekali bagi kawasan yang sensitif seperti pulau. Adalah diharapkan dengan pembacaan buku ini dapat menambahkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat kepada kelestarian alam semula jadi yang seterusnya akan meningkatkan kesejahteraan generasi masa kini dan masa depan sesuai dengan konsep pembangunan mapan.